

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah berlakunya kadar penularan wabak penyakit COVID-19 yang tinggi di sektor perindustrian sedangkan pelbagai undang-undang telah digubal dan sedia berkuatkuasa di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan pada 29 September 2021, sebanyak 5,462 kluster telah direkodkan. Bagaimanapun, data terkini berkaitan kluster tempat kerja tidak dapat diperolehi dan sehingga 14 Jun 2021, sejumlah 1,328 kluster tempat kerja telah dilaporkan.

Merujuk laporan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dari 25 Januari sehingga 25 Ogos 2021, jumlah kes positif COVID-19 bagi kluster tempat kerja adalah sebanyak 203,783 kes.

Pelbagai prosedur dan langkah pencegahan telah dikongsi bersama dengan majikan dan pekerja, namun kluster di tempat kerja masih meruncing. Terdapat pelbagai punca penyebaran termasuklah penyebaran selepas waktu bekerja di kalangan ahli keluarga, rakan serumah (penginapan) dan jangkitan komuniti. Seterusnya menjadi kluster tempat kerja selepas pekerja yang positif membawa virus ke tempat pekerjaan.

Kerajaan menerusi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengambil tindakan awal bagi mengekang penularan pandemik COVID-19 di tempat kerja dan penginapan pekerja dengan menyediakan panduan dan soalan lazim berhubung isu-isu berkaitan kawalan penularan di tempat kerja yang melibatkan peruntukan di bawah Akta Kerja 1955 [Akta 265].

JTKSM juga menyediakan Tatacara Operasi Standard (*Standard Operating Procedure, SOP*) berkaitan pencegahan penularan COVID-19 dalam penginapan pekerja. Manakala JKKP pula mengeluarkan prosedur kerja selamat pencegahan COVID-19 di tempat kerja.

SOALAN NO : 45

Pelbagai usaha dan langkah susulan juga telah dilakukan oleh Kerajaan dalam mengekang penularan wabak ini pada ketika diisytiharkan sebagai pandemik antaranya, memulakan penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] mulai 1 Jun 2020.

Dengan penguatkuasaan Akta 446, semua sektor pekerjaan yang menyediakan penginapan kepada pekerja perlu mematuhi standard minimum penginapan yang ditetapkan di bawah Akta dan Peraturan. Manakala majikan yang menggaji pekerja asing adalah diwajibkan untuk menyediakan penginapan dan mematuhi peruntukan Akta.

Operasi pemeriksaan penginapan di bawah Akta 446 dilipat gandakan di seluruh negara melibatkan bukan hanya pegawai JTKSM tetapi juga pegawai-pegawai agensi lain yang diturunkan kuasa di bawah Ordinan Darurat (Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja) 2021 untuk memastikan pematuhan di kalangan majikan, terutamanya majikan yang diadukan.

Setakat 25 Ogos 2021, sebanyak 23,993 majikan telah diperiksa yang melibatkan 129,668 tempat penginapan yang dihuni oleh 804,204 pekerja asing dan 1,158,612 pekerja tempatan. Susulan pemeriksaan tersebut juga, sebanyak 940 kertas siasatan telah dibuka dan sebanyak 618 kompaun telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan seperti kegagalan memohon perakuan penginapan dan kegagalan memenuhi standard minimum penginapan seperti penyediaan almari, katil, tilam dan bantal kepada setiap pekerja, bilangan pekerja melebihi kapasiti maksimum yang ditetapkan di bawah Peraturan dan lain-lain kesalahan yang ditetapkan di bawah Akta ini.

Dalam masa yang sama, sebanyak 12,195 permohonan Perakuan Penginapan di bawah Akta 446 telah dibuat oleh majikan dan penyedia penginapan berpusat (*centralised labour quarters*, CLQ) melibatkan 992,743 pekerja.

Selain itu, melalui penguatkuasaan Ordinan Darurat, sebanyak 49 arahan pindah ke penginapan sementara telah dikeluarkan kepada

SOALAN NO : 45

majikan dan penyedia penginapan berpusat yang mempunyai penginapan yang tidak sesuai untuk didiami manusia dan kotor untuk ditambahbaik atau diganti dan diubah. Arahan pindah ini melibatkan 2,942 pekerja.

Selanjutnya Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan JKPP diberi kuasa menguatkuasakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] di tempat kerja dan penginapan pekerja bermula pada 21 Mac 2020. Ini termasuklah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Kesihatan, KKM bermula 1 Jun 2021 untuk mengeluarkan kompaun di bawah Akta yang sama.

Bagi tempoh 1 Jun 2021 sehingga 30 Ogos 2021, Kerajaan melalui JTKSM dan JKPP telah menjalankan penguatkuasaan Akta 342 ke atas 6,927 tempat kerja. Hasil penguatkuasaan tersebut sebanyak 515 kompaun berjumlah RM4.7 juta telah dikeluarkan, melibatkan sektor pengilangan (253 kes), pembinaan (64 kes), perkhidmatan (125 kes) dan lain-lain sektor (73 kes). Antara kesalahan yang telah dikenalpasti dan dikenakan kompaun ialah majikan gagal mematuhi kapasiti kehadiran pekerja, premis beroperasi tanpa kebenaran, pemilik premis gagal melaksanakan penjarakan fizikal dan gagal menyediakan laluan keluar masuk dan lain-lain kesalahan.

Selain itu, Kerajaan menerusi JKPP, bekerjasama agensi-agensi lain terutama KKM telah membangunkan satu Panduan Pengudaraan dan Kualiti Udara Dalaman (*Indoor Air Quality, IAQ*) dalam tempoh pandemik Covid-19. Objektif utama panduan ini adalah untuk memberi maklumat kepada masyarakat tentang kaedah bagi menambahbaik pengudaraan dan kualiti udara dalaman di tempat kerja, kemudahan kesihatan, kediaman dan tempat awam bagi mengurangkan risiko penularan Covid-19 melalui udara.

Kementerian menyeru semua pihak termasuk majikan dan pekerja agar dapat mengguna pakai segala panduan, langkah, prosedur dan soalan lazim khususnya di tempat kerja yang telah dikeluarkan bagi memastikan kita semua berjaya memutuskan rantai pandemik Covid-

SOALAN NO : 45

19, demi kelangsungan ekonomi, sosial dan kesejahteraan rakyat Malaysia.